

SOALAN NO. 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan kerugian yang agak besar yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk membangunkan semula semua kawasan yang terlibat dengan kerosakan akibat banjir, adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk mengembalikan bayaran royalti petroleum bagi memastikan aktiviti pemulihan dapat dijalankan dengan lebih baik dan lancar.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu bayaran royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri Kelantan masih dalam proses perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang terlibat serta membaik pulih infrastruktur yang terjejas teruk akibat banjir tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah peruntukan seperti berikut:

- a) Sebagai peruntukan awalan, Kerajaan menyediakan RM800 juta untuk membaiki dan membina semula infrastruktur asas seperti sekolah, hospital, jalan raya dan jambatan;
- b) Penyediaan peruntukan tambahan sebanyak RM500 juta sebagai tambahan kepada tabung Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi bantuan permulaan atau *initial allocation* untuk kerja-kerja baik pulih dan program kebajikan mangsa banjir; dan
- c) Penyediaan peruntukan berjumlah RM893 juta bagi Bajet 2015 untuk pelaksanaan projek rancangan tebatan banjir di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN
HAJI MOHD FAKEH
(SABAK BERNAM)**

TARIKH : 07 APRIL 2015

SOALAN : 57

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah penstrukturuan semula ekonomi disebabkan penurunan harga minyak dan kejatuhan ringgit akan memberikan kesan kepada program pembangunan dan penyediaan infrastruktur luar bandar termasuk di Parlimen Sabak Bernam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mengambil perhatian akan penstrukturkan semula ekonomi Malaysia disebabkan penurunan harga minyak dan kejatuhan ringgit Malaysia pada baru-baru ini. Walau bagaimanapun, kesan kejatuhan ini tidak menjaskankan peruntukan bagi program pembangunan dan penyediaan infrastruktur luar bandar. Melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), pelbagai kemudahan dari segi infrastruktur dan pembangunan ekonomi luar bandar telah disediakan bagi mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar. Sebanyak 87 buah projek telah dilaksanakan di Daerah Sabak Bernam dengan jumlah peruntukan melebihi RM 50 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 bagi tahun 2011 hingga 2013. Jenis-jenis projek yang telah dilaksanakan merangkumi pembinaan jalan, penyediaan bekalan air, program bantuan rumah, baikpulih Tabika KEMAS, peningkatan MRSM/Kolej Sains MARA serta tanam semula getah dan sawit RISDA dan FELCRA.